

# META-ANALISIS KAJIAN FALSAFAH DAN ISU SEMASA (FIS) DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

(META-ANALYSIS OF PHILOSOPHY STUDIES AND CURRENT ISSUES (FIS) IN HIGHER EDUCATION INSTITUTION IN MALAYSIA)

SAILI, S.<sup>1\*</sup> – MUSTAPA, M.<sup>1</sup> – ARISHIN, S. S. A.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

\*Penulis penghubung  
e-mail: jahidihsaili[at]uitm.edu.my

(Received 30<sup>th</sup> June 2024; revised 18<sup>th</sup> August 2024; accepted 26<sup>th</sup> August 2024)

**Abstrak.** Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) berperanan penting dalam pembangunan modal insan yang holistik di institusi pengajian tinggi Malaysia. Kajian-kajian lepas telah meneliti pelbagai aspek pelaksanaan kursus FIS, namun terdapat jurang dalam memahami metodologi yang digunakan dan dapatan yang diperoleh secara menyeluruh. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis metodologi dan dapatan utama kajian-kajian lepas berkaitan FIS melalui pendekatan meta-analisis. Sebanyak 21 artikel berkaitan FIS yang diterbitkan antara tahun 2020 hingga 2023 telah dipilih melalui carian sistematis dalam pangkalan data seperti Scopus, Science Direct, ProQuest dan Google Scholar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan merupakan metodologi yang paling kerap digunakan, diikuti pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan dan temu bual. Dalam segi dapatan pula, kajian-kajian lepas melaporkan persepsi positif pelajar terhadap kursus FIS, keberkesanannya dalam membentuk pemikiran kritis dan identiti moral, serta potensi pendekatan pengajaran interaktif dan berasaskan teknologi. Dapatan ini memberi implikasi penting terhadap praktis dan polisi pendidikan di Malaysia, terutamanya dalam aspek keperluan untuk memperkasakan kursus FIS, menerapkan elemen pemikiran kritis dan identiti moral merentasi kurikulum, serta menyokong pengintegrasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini mencadangkan penyelidikan lanjutan berkaitan impak jangka panjang kursus FIS, faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanannya, perbandingan dengan kursus pembangunan insan yang lain, serta aplikasi teknologi baharu dalam pelaksanaan kursus ini pada masa hadapan.

**Katakunci:** falsafah dan isu semasa, meta-analisis, pemikiran kritis, mata pelajaran umum

**Abstract.** The Philosophy and Current Issues (FIS) course plays a vital role in the development of holistic human capital in Malaysian higher education institutions. Previous studies have examined various aspects of FIS course implementation, yet there exists a gap in comprehensively understanding the methodologies employed and the findings obtained. Therefore, this study aims to analyse the methodologies and key findings of past studies related to FIS through a meta-analysis approach. A total of 21 FIS-related articles published between 2020 and 2023 were selected through systematic searches in databases such as Scopus, Science Direct, ProQuest, and Google Scholar. The findings reveal that the quantitative approach through survey methods is the most frequently used methodology, followed by qualitative approaches through content analysis and interviews. In terms of findings, previous studies report positive student perceptions towards the FIS course, its effectiveness in shaping critical thinking and moral identity, as well as the potential of interactive and technology-based teaching approaches. These findings have significant implications for educational practice and policy in Malaysia, particularly in terms of the need to strengthen the FIS course, integrate elements of critical thinking and moral identity across the curriculum, and support the integration of technology in teaching and learning. This study recommends further research on the long-term impact of the FIS course, factors influencing its effectiveness, comparisons with other human development courses, and the application of new technologies in the future implementation of this course.

**Keywords:** philosophy and current issues, meta-analysis, critical thinking, general studies

## Pengenalan

Pendidikan falsafah berperanan penting dalam pembentukan pemikiran kritis generasi muda di Malaysia. Menurut binti Ab Hamid et al. (2023), kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) di institusi pengajian tinggi bertujuan untuk memupuk kemahiran pemikiran kritis dalam kalangan pelajar, yang merupakan aspek penting untuk melahirkan graduan berkualiti. Pemikiran kritis yang diasah melalui pendidikan falsafah membolehkan pelajar menganalisis isu semasa dengan lebih mendalam, membuat pertimbangan yang rasional, dan menyelesaikan masalah dengan lebih berkesan (Marinsah et al., 2021). Selain itu, pendidikan falsafah juga menyumbang kepada pembangunan negara dengan melahirkan individu yang seimbang dari segi intelek dan moral (Abd Latif et al., 2022). Pelajar yang didedahkan dengan nilai-nilai murni melalui pendidikan falsafah akan menjadi warganegara yang bertanggungjawab dan beretika, seterusnya menyumbang kepada pembangunan sosial dan politik negara (Azhar, 2021). Oleh itu, pendidikan falsafah wajar diberikan penekanan dalam sistem pengajian tinggi di Malaysia untuk memastikan pembentukan generasi muda yang mampu berfikir secara kritis dan beretika demi kemajuan negara.

Sorotan literatur yang menyeluruh berkaitan kajian kursus FIS di Malaysia adalah penting untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas mengenai keberkesanannya. Kajian-kajian lepas telah meneliti pelbagai aspek pelaksanaan kursus FIS, seperti kaedah pengajaran dan pembelajaran (Latiff et al., 2020a), penggunaan teknologi (Abd Latif et al., 2022), dan persepsi pelajar terhadap kursus ini (Mokhtar et al., 2020). Walau bagaimanapun, terdapat jurang dalam kajian sedia ada dalam aspek metodologi yang digunakan dan dapatan yang diperoleh. Sebagai contoh, kebanyakan kajian menggunakan kaedah tinjauan dengan sampel yang terhad (Latiff et al., 2020b), yang mungkin tidak dapat memberikan gambaran yang menyeluruh tentang keberkesanannya. Selain itu, dapatan kajian juga bercampur-campur, dengan sesetengah kajian melaporkan persepsi positif pelajar terhadap kursus FIS (Mohamad Akhir dan Ismail, 2023), manakala kajian lain mendapati cabaran dan kekangan dalam pelaksanaannya (Razak et al., 2022). Oleh itu, sorotan kajian yang sistematik dan menyeluruh diperlukan untuk mensintesis dapatan kajian sedia ada dan mengenal pasti aspek yang memerlukan penyelidikan lanjut bagi penambahbaikan kursus FIS.

Kajian meta-analisis adalah penting dalam menyediakan sintesis kajian lepas untuk pemahaman yang lebih menyeluruh tentang pelaksanaan dan keberkesanannya. Gabungan dan analisis dapatan daripada pelbagai kajian menggunakan meta-analisis dapat memberikan gambaran yang lebih jelas dan sahih mengenai isu yang dikaji (Alias dan Mat, 2022). Dapatan daripada kajian meta-analisis juga dapat menyumbang kepada penambahbaikan kurikulum dan kaedah pengajaran kursus FIS dengan mengenal pasti amalan terbaik dan aspek yang memerlukan perhatian (Kassim et al., 2023a; 2023b). Selain itu, meta-analisis dapat memberi panduan untuk kajian masa depan dengan menonjolkan jurang penyelidikan dan mencadangkan hala tuju baharu dalam penyelidikan berkaitan FIS (Othman et al., 2023). Walau bagaimanapun, kajian meta-analisis ini akan memberi tumpuan khusus kepada kajian berkaitan pelaksanaan kursus FIS dalam konteks pengajian tinggi di Malaysia sahaja. Batasan ini adalah dalam aspek pangkalan data dan kata kunci yang digunakan dalam pencarian kajian, yang mungkin mengehadkan skop dan generalisasi dapatan kajian (Abd Rahim et al., 2023). Namun, fokus yang khusus ini membolehkan pemahaman yang lebih mendalam tentang isu yang dikaji dalam konteks yang spesifik, iaitu pengajian tinggi di Malaysia. Fokus utama kajian ini adalah untuk menjawab dua persoalan berikut: (a)

Apakah metodologi yang digunakan dalam kajian lepas berkaitan Falsafah dan Isu Semasa (FIS) di institusi pengajian tinggi Malaysia? (b) Apakah dapatan utama daripada kajian lepas berkaitan Falsafah dan Isu Semasa (FIS) di institusi pengajian tinggi Malaysia?

### **Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS)**

Kursus FIS yang diperkenalkan pada tahun 2019 mengandungi lapan topik utama yang perlu dipelajari sepanjang 14 minggu kuliah. Antara topik yang terkandung dalam silibus kursus ini termasuklah pengenalan kepada ilmu falsafah, falsafah dalam kehidupan, seni dan kaedah berfikir, konsep insan, epistemologi, ideologi semasa, etika sebagai isu kefalsafahan, dan kajian kes terpilih falsafah dan isu semasa (Marinsah et al., 2021). Selain memberi penekanan kepada aspek kognitif, kursus ini turut memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran insaniah seperti pemikiran kritis, penyelesaian masalah, etika dan moral profesionalisme, serta pembelajaran sepanjang hayat (binti Ab Hamid et al., 2023). Kaedah penyampaian kursus FIS biasanya melibatkan kuliah interaktif, aktiviti dalam kumpulan seperti perbincangan kes, pembentangan poster, kuiz individu, dan penulisan refleksi pembelajaran. Penilaian pula merangkumi ujian bertulis, penilaian berterusan, dan peperiksaan akhir (Kassim et al., 2023a; 2023b). Kesemua aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran ini adalah bagi memastikan pelajar didedahkan kepada falsafah dan mampu mengaplikasikannya dalam menyelesaikan masalah, membuat keputusan, dan menilai isu-isu semasa secara bermaklumat, rasional dan kritis.

Secara umumnya kursus ini memberi tumpuan kepada isu-isu kontemporari dalam masyarakat Malaysia yang pelbagai dari segi budaya dan agama. Antara topik yang dibincangkan termasuklah cabaran ideologi relativisme pasca moden, dekolonisasi, pluralisme, kemiskinan tegar, gejala buli, pandemik COVID-19 dan ketagihan teknologi (binti Ab Hamid et al., 2023). Isu-isu ini dianalisis dari perspektif falsafah bagi menerapkan unsur pemikiran kritis dan rasional dalam menilainya. Contohnya, kesan pandemik terhadap norma baharu dikupas dari dimensi etika dan moral untuk melahirkan sikap bertanggungjawab dalam situasi krisis (Kassim et al., 2023a; 2023b). Begitu juga dengan isu kepelbagaian, kursus ini menggalakkan sikap saling hormat menghormati melalui dialog antara budaya bagi memupuk semangat muhibah dan keharmonian (Azhar, 2021). Selain itu, isu globalisasi dan perkembangan teknologi turut dibincangkan dari sudut kesannya terhadap nilai tempatan dan amalan tradisi masyarakat majmuk di Malaysia. Jelas menunjukkan kursus FIS responsif terhadap fenomena semasa dengan objektif melahirkan graduan peka isu dan mampu menilainya secara objektif serta mengaplikasikan pendekatan beretika dan rasional dalam menanganinya. Penekanan terhadap aspek kepelbagaian budaya misalnya adalah bagi memupuk sikap saling hormat menghormati dan harmoni antara kaum (Othman et al., 2023). Manakala perbincangan isu teknologi pula bertujuan meningkatkan kesedaran tentang implikasi negatif ketagihan agar graduan bijak menggunakan teknologi tanpa terjebak gejala sosial (Akhir et al., 2023). Ringkasan kursus FIS boleh dilihat dalam *Jadual 1* di bawah.

**Jadual 1. Ringkasan Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS).**

Aspek	Keterangan
Nama Kursus	Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS)
Pengenalan	Diperkenalkan pada tahun 2019; durasi 14 minggu
Topik Utama	1. Pengenalan Falsafah dan Isu Semasa, 2. Falsafah dalam Kehidupan, 3. Logik dan Metodologi, 4.

Kemahiran Insaniah Kaedah Penyampaian	Psikologi dan Sosiologi, 5. Metafizik, 6. Epistemologi, 7. Ideologi, dan 8. Dekolonisasii Pemikiran kritis, penyelesaian masalah, etika dan moral profesionalisme, pembelajaran sepanjang hayat Kuliah interaktif, aktiviti kumpulan, pembentangan poster, kuiz individu, penulisan refleksi pembelajaran
Penilaian Fokus Isu	Ujian bertulis, penilaian berterusan, peperiksaan akhir 1. Cabaran ideologi relativisme pasca moden, 2. Dekolonisasii, 3. Pluralisme, 4. Kemiskinan tegar, 5. Gejala buli, 6. Pandemik COVID-19, 7. Ketagihan teknologi, 8. Implikasi globalisasi dan perkembangan teknologi
Objektif Kursus	Menggalakkan pemikiran kritis dan rasional, memupuk semangat muhibah dan keharmonian, meningkatkan kesedaran tentang implikasi negatif ketagihan teknologi dan memupuk sikap saling hormat menghormati antara kaum.

## Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini mengadaptasi metodologi meta-analisis dengan tumpuan kepada kerangka FIS dalam konteks pendidikan di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian sekunder, dengan melaksanakan proses pengenalpastian, penilaian, dan interpretasi semua kajian relevan dalam domain topik tertentu yang menjadi minat penyelidik (Webster dan Watson, 2002). Bagi memfokuskan skop pencarian dan memastikan ketepatan serta relevansi data, beberapa pangkalan data utama seperti Scopus, Science Direct, ProQuest, dan Eric telah dipilih berdasarkan kesesuaianya dengan topik FIS dan langganan perpustakaan universiti. Enjin carian Google Scholar dan Google Search turut digunakan untuk menyelidik literatur yang lebih luas dengan menggunakan kata kunci seperti "Falsafah dan Isu Semasa", "FIS", "pendidikan di Malaysia", "Falsafah Pendidikan", "Isu Semasa Pendidikan", "Philosophy and Current Issues", "Education Philosophy", dan "Current Issues in Education". Proses pemilihan dan penilaian kajian untuk meta-analisis ini dilakukan secara sistematik berdasarkan kriteria seperti kesesuaian kajian dengan topik FIS dan kredibiliti sumber. Kajian-kajian yang memenuhi kriteria ini kemudiannya dianalisis lebih lanjut untuk mendapatkan dapatan yang menyeluruh dan mendalam tentang kajian FIS dalam konteks pengajian tinggi di Malaysia. Ini bagi mewujudkan pemahaman yang lebih baik mengenai pengaruh FIS terhadap pendidikan di Malaysia dan strategi untuk meningkatkan kualiti pengajaran kursus ini pada masa hadapan. Sebanyak 21 artikel berkaitan FIS yang diterbitkan antara tahun 2020 hingga 2024 telah dimuat turun untuk dianalisis dalam kajian ini. *Jadual 2* merupakan senarai artikel tersebut.

***Jadual 2. Senarai artikel kajian Falsafah dan Isu Semasa (FIS).***

Nama penyelidik & tahun	Journal/Prosiding
Latiff et al. (2020a)	Prosiding The International Conference on Aqidah, Religions and Social Sciences (SIGMA10)
Mokhtar et al. (2020)	Prosiding The 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020
Latiff et al. (2020b)	Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2020)
Azhar (2021)	The Malaysian Online Journal of Educational Technology
Ijon et al. (2022)	Prosiding Seminar Mata Pelajaran Umum Peringkat Kebangsaan 2021 Siri 1 (SeMUKe-1)
Marinsah et al. (2022)	International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)
Marinsah et al. (2021)	International Journal of Education, Psychology and Counselling
Yusoff et al. (2022)	Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 (PASAK 7 2022)
Razak et al. (2022)	Borneo International Journal
Marinsah et al. (2021)	International Journal of Education, Psychology and Counseling
Hamid et al. (2022)	International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences
Abd Latif et al. (2022)	Prosiding International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2022
Alias dan Mat (2022)	MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara
Mohamad Akhir dan Ismail (2023)	Prosiding International Teaching Aid Competition 2023

Othman et al. (2023)	Journal of Modern Education
Kassim et al. (2023a)	Sains Insani
Akhir et al. (2023)	International Journal Of Modern Education (IJMOE)
Ali et al. (2023)	Prosiding Academia Press Solutions (APS) 2023
Abd Rahim et al. (2023)	Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies.
Kassim et al. (2023b)	Asian People Journal
binti Ab Hamid et al. (2023)	Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)

## Dapatkan dan Perbincangan Kajian

Dapatkan dan perbincangan dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian utama. Bahagian pertama membincangkan metodologi kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian berkaitan dengan FIS di institusi pengajian tinggi Malaysia. Manakala, bahagian kedua pula membincangkan dapatan utama kajian FIS di Malaysia.

### Persoalan kajian 1

Apakah metodologi yang digunakan dalam kajian lepas berkaitan Falsafah dan Isu Semasa (FIS) di institusi pengajian tinggi Malaysia?

Kajian-kajian lepas berkaitan Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam pendidikan di Malaysia telah menggunakan pelbagai metodologi penyelidikan untuk mencapai objektif kajian masing-masing. Berdasarkan analisis terhadap 21 kajian yang dijalankan antara tahun 2020 hingga 2023, didapati bahawa pendekatan kuantitatif merupakan metodologi yang paling kerap digunakan, diikuti oleh pendekatan kualitatif dan kaedah campuran. Dalam pendekatan kuantitatif, kaedah tinjauan menggunakan soal selidik merupakan reka bentuk kajian yang paling banyak diaplikasikan (Abd Rahim et al., 2023; Akhir et al., 2023; Ali et al., 2023; Kassim et al., 2023a; Mohamad Akhir dan Ismail, 2023; Razak et al., 2022; Ramlie et al., 2021; Latiff et al., 2020a; 2020b). Kaedah ini membolehkan pengumpulan data secara meluas dan sistematik daripada sampel kajian yang besar, seterusnya membantu penyelidik membuat generalisasi dapatan kepada populasi yang dikaji. Bagi pendekatan kualitatif pula, analisis dokumen atau analisis kandungan merupakan reka bentuk kajian yang paling kerap digunakan (Kassim et al., 2023b; Othman et al., 2023; Abd Latif et al., 2022; Alias dan Mat, 2022; Marinsah et al., 2022; 2021; Yusoff et al., 2022; Azhar, 2021; binti Ab Hamid et al., 2023; Hamid et al., 2022). Kaedah ini melibatkan penelitian terhadap kandungan dokumen seperti jurnal, buku, laporan, dan sebagainya untuk mendapatkan pemahaman mendalam tentang sesuatu fenomena atau isu yang dikaji. Selain itu, temu bual juga digunakan sebagai kaedah pengumpulan data kualitatif dalam kajian oleh Mokhtar et al. (2020) untuk meneroka persepsi awal pelajar terhadap kursus FIS. Pendekatan kualitatif ini membolehkan penyelidik memperoleh data yang kaya dan mendalam, serta memahami pengalaman dan perspektif subjek kajian dengan lebih baik (*Jadual 3*).

**Jadual 3. Pendekatan dan reka bentuk kajian Falsafah dan Isu Semasa (FIS).**

Pendekatan	Reka Bentuk Kajian	Frekuensi	Penyelidik (Tahun)
Kuantitatif	Tinjauan	9	Abd Rahim et al. (2023); Akhir et al. (2023); Ali et al. (2023); Kassim et al. (2023a); Mohamad Akhir dan Ismail (2023); Razak et al. (2022); Ramlie et al. (2021); Latiff et al. (2020a; 2020b);
Kualitatif	Analisis Dokumen/Analisis Kandungan	10	Kassim et al. (2023b); Othman et al. (2023); Abd Latif et al. (2022); Alias dan Mat (2022); binti Ab Hamid et al. (2022); Hamid et al. (2022); Marinsah et al. (2022); Yusoff et al. (2022); Azhar (2021); Marinsah et al. (2021)
Campuran	Tinjauan/Temu bual	1	Ijon et al. (2022)

Selain pendekatan kuantitatif dan kualitatif, terdapat juga kajian yang menggunakan kaedah campuran (mixed-methods) seperti yang diaplikasikan oleh Ijon et al. (2022). Kajian ini menggabungkan kaedah tinjauan dan temu bual untuk mendapatkan data yang lebih komprehensif dan saling melengkapi. Kaedah campuran ini membolehkan penyelidik mengimbangi kekuatan dan kelemahan setiap pendekatan, serta memperoleh pemahaman yang lebih menyeluruh tentang fenomena yang dikaji. Secara keseluruhannya, kepelbagaiannya metodologi yang digunakan dalam kajian-kajian lepas menunjukkan usaha berterusan para penyelidik untuk mengkaji dan memahami pelbagai aspek berkaitan kursus FIS dalam pendidikan di Malaysia. Pemilihan metodologi yang bersesuaian dengan objektif dan konteks kajian membantu menghasilkan dapatan yang sahih, reliable, dan bermakna untuk memajukan bidang pendidikan falsafah di negara ini.

### **Persoalan kajian 2**

Apakah dapatan utama daripada kajian lepas berkaitan Falsafah dan Isu Semasa (FIS) di institusi pengajian tinggi Malaysia?

Kajian-kajian lepas berkaitan kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam pendidikan di Malaysia telah menghasilkan pelbagai dapatan yang signifikan. Salah satu dapatan utama ialah persepsi positif pelajar terhadap kursus ini (Latiff et al., 2020a; Mokhtar et al., 2020). Kajian menunjukkan bahawa pelajar menganggap kursus FIS dapat membantu mereka untuk menjadi lebih rasional, kritis dan mampu menyelesaikan masalah dalam kehidupan dengan lebih berkesan. Selain itu, penerimaan pelajar terhadap kursus ini juga dilaporkan tinggi (Latiff et al., 2020b), dengan pelajar menyatakan bahawa kursus ini meningkatkan kesedaran mereka tentang kepentingan membebaskan diri daripada ideologi Barat serta membuat mereka lebih peka terhadap isu semasa. Kajian oleh Azhar (2021) pula mendapati bahawa kursus FIS memberi tumpuan kepada wacana dekolonialisasi dan kearifan tempatan, dengan ideologi pascamodenisme dan falsafah relativisme menjadi teras perbincangan. Walau bagaimanapun, sikap Barat yang memisahkan sains dan agama serta penyisihan elemen keagamaan dalam perbincangan metafizik masih menonjol dalam konteks universiti (*Jadual 4*).

**Jadual 4. Dapatan kajian Falsafah dan Isu Semasa.**

Nama penyelidik & tahun	Objektif kajian	Dapatan kajian
Latiff et al. (2020a)	Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap tenaga pengajar yang mengendalikan kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS).	<ul style="list-style-type: none"><li>○ Kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai persepsi yang sangat baik dan positif terhadap pensyarah FIS. Skor min yang diperolehi menunjukkan persepsi yang tinggi dan positif terhadap kemampuan pensyarah mengajar kursus FIS. Ini menunjukkan bahawa tenaga pengajar FIS mempunyai personaliti yang baik dan keupayaan dalam penyampaian kursus FIS.</li></ul>
Mokhtar et al. (2020)	Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka persepsi awal pelajar Universiti Sains Islam Malaysia terhadap kursus Falsafah dan Isu Semasa.	<ul style="list-style-type: none"><li>○ Persepsi pelajar terhadap kursus falsafah sangat positif.</li><li>○ Pelajar mengharapkan kursus ini menjadikan mereka lebih berfikiran rasional, kritis serta berupaya mencari jawapan yang terbaik dalam menyelesaikan masalah dalam kehidupan mereka.</li></ul>
Latiff et al. (2020b)	Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis penerimaan pelajar USIM terhadap kursus Falsafah dan Isu Semasa dengan menilai	<ul style="list-style-type: none"><li>○ Penerimaan pelajar terhadap kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) adalah tinggi dan positif.</li><li>○ Kursus Falsafah dan Isu Semasa membantu meningkatkan aktiviti berfikir dalam kalangan</li></ul>

	tahap penerimaan dan tanggapan pelajar terhadap kursus FIS.	pelajar.
Azhar (2021)	Tujuan kajian ini adalah untuk membina pemahaman tentang Kursus Falsafah dan Isu Semasa dengan menekankan perspektif 'kearifan tempatan' untuk membentuk latar belakang dan masalah.	<ul style="list-style-type: none"><li>○ Kursus FIS meningkatkan kesedaran pelajar tentang keperluan membebaskan diri daripada ideologi modenisme dan pascamodenisme Barat.</li><li>○ Kursus FIS menjadikan pelajar lebih prihatin tentang isu semasa.</li><li>○ Fokus kajian ini adalah pada wacana dekolonialisasi dan kearifan tempatan dalam kursus falsafah dan isu semasa.</li><li>○ Ideologi <i>pascamodenisme</i> dan falsafah <i>relativisme</i> menjadi teras dalam pembahasan.</li><li>○ Sikap barat yang memisahkan sains dan agama menonjol dalam konteks universiti.</li><li>○ Pembahasan metafizik dalam falsafah masih menunjukkan penyisihan elemen keagamaan.</li><li>○ Kajian menunjukkan bahawa kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) di IPT bertujuan meningkatkan kualiti pembangunan insan dalam kalangan pelajar.</li><li>○ Penawaran kursus MPU di setiap pusat pengajian tinggi bertujuan untuk menyediakan pelajar dalam kehidupan masyarakat moden dan memperkuuhkan nilai murni, kemahiran insaniah, dan kemahiran bahasa.</li><li>○ Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) menunjukkan pemahaman yang tinggi terhadap kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS).</li><li>○ Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) membolehkan mahasiswa berfikir secara kritikal dan rasional.</li><li>○ Penggunaan E-Learning membantu dalam pembentukan kemahiran berfikir aras tinggi</li><li>○ Pelaksanaan kaedah interaktif dalam E-Learning dapat meningkatkan penyertaan mahasiswa dan hasil pembelajaran kursus.</li><li>○ Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa elemen kemahiran dan sub kemahiran yang mampu menyumbang ke arah pembentukan dan penerapan pemikiran kritis dalam modul pengajian kursus FIS di UMS. Hasil kajian ini diharapkan dapat meningkatkan penghargaan pelajar terhadap kursus dan membantu dalam proses pembentukan pemikiran kritis yang selari dengan hala tuju sistem pendidikan negara.</li><li>○ Kursus FIS di UMS mempunyai keistimewaan tersendiri berdasarkan isi dan struktur kandungan kursus yang sangat bermanfaat kepada seluruh mahasiswa dalam membentuk potensi diri secara menyeluruh dan bersepada dalam aspek ilmu pengetahuan serta kemahiran insaniah.</li><li>○ Pengajaran dan pembelajaran atas talian mempunyai pro dan kontra, dengan kekuatan dan kelemahan kaedah pengajaran segerak (<i>synchronous</i>) yang perlu diperhatikan.</li></ul>
Ijon et al. (2022)	Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti sama ada tahap pembangunan insan dapat dicapai melalui kursus Mata Pelajaran Umum di Institusi Pengajian Tinggi termasuk kursus Falsafah dan Isu Semasa.	
Ramlie et al. (2021)	Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji pemahaman mahasiswa Universiti Malaysia Sabah terhadap Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS).	
Marinsah et al. (2021)	Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis elemen-elemen pembentukan pemikiran kritis dalam modul pengajian kursus FIS yang dilaksanakan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).	<ul style="list-style-type: none"><li>○ Pelajar mengakui nilai toleransi wujud dalam kurikulum MPU dan ia mampu mendidik pelajar mengaplikasi nilai murni dalam kehidupan sehari-hari.</li><li>○ Kajian mencadangkan agar penambahbaikan daripada aspek penyampaian kandungan kursus MPU supaya nilai toleransi dapat diperkuuh untuk dihayati oleh pelajar dan diaplikasi dalam kehidupan harian di masa akan datang.</li><li>○ Kursus Falsafah Ilmu Sosial (FIS) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) tidak menekankan persoalan agama dalam silibusnya.</li><li>○ Psikologi dan sosiologi merupakan elemen penting dalam pembentukan akhlak dan moral dalam kursus FIS.</li><li>○ Modul kursus FIS di UMS memberi penekanan</li></ul>
Yusoff et al. (2022)	Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kelebihan dan kelemahan teknik pengajaran dan pembelajaran secara maya yang menggunakan pendekatan segerak dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa.	
Razak et al. (2022)	Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji pandangan pelajar yang telah mengambil kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP) dan Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dari aspek keberkesanannya kursus tersebut dalam kehidupan mereka.	
Marinsah et al. (2022)	Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti konsep akhlak dan moral dalam Tamadun Islam dari perspektif Imam al-Ghazali dan mengkaji bagaimana akhlak berkait rapat dengan perbuatan dan tingkah laku manusia.	

Hamid et al. (2022)	Tujuan kajian ini adalah untuk menemui kepentingan pemahaman ilmu logik daripada konteks kursus Falsafah dan Isu Semasa di institusi pengajian tinggi di Malaysia.	kepada pembentukan potensi diri secara menyeluruh dan bersepdu dalam aspek ilmu pengetahuan serta kemahiran insaniah.
Abd Latif et al. (2022)	Tujuan kajian ini adalah untuk meneliti kesan penggunaan permainan interaktif dalam pengajaran kursus Falsafah dan Isu Semasa kepada pelajar antarabangsa serta strategi meningkatkan pemahaman dan motivasi pelajar bagi mengikuti kursus MPU.	<ul style="list-style-type: none"><li>○ Terdapat lima kepentingan ilmu logik kepada pelajar i) mendorong pemikiran pelajar ke arah cara berfikir yang sistematis ii) sebagai asas untuk memahami jenis ilmu lain iii) sebagai asas untuk pelajar dalam penyelidikan akademik iv) sebagai panduan untuk pelajar membezakan antara kebenaran dan kebatilan v) Ilmu Logik melatih pelajar untuk berfikir secara kritis.</li><li>○ Penggunaan aplikasi Classtools dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa telah meningkatkan pemahaman pelajar dan motivasi mereka untuk mengikuti kursus MPU.</li><li>○ Tahap pemahaman pelajar lebih tinggi dengan penggunaan permainan interaktif, yang juga mengukuhkan dapatan kajian lepas tentang pengaruh pengajar dan kaedah pengajaran kreatif terhadap penerimaan pelajar terhadap kursus MPU.</li><li>○ ClassTools membuka ruang untuk kepelbagaiannya kaedah pengajaran dan pembelajaran, memberi persepsi positif terhadap kursus MPU, dan meningkatkan pemahaman pelajar terhadap kandungan kursus FIS serta kemahiran digital pengajar dan pelajar.</li><li>○ Bab 1 membawa definisi konsep ilmu falsafah secara umum, menekankan konsep falsafah secara makro dan mikro, serta pentafsiran terhadap Ruku negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.</li><li>○ Bab 2 membawa pembaca kepada penghayatan 'Falsafah dan Kehidupan', memperkenalkan istilah-istilah asas falsafah, dimensi teoretikal dan praktikal ilmu falsafah, serta hubungannya dengan kehidupan sehari-hari.</li><li>○ Bab 3 membincangkan 'Logik dan Metodologi' dengan penjelasan kaedah induktif, deduktif, huraian, dan susur galur logik yang komprehensif.</li><li>○ Bab 4 membincangkan aspek keperibadian, kejiwaan, dan kehidupan bermasyarakat dalam ruang lingkup falsafah dalam bab 'Psikologi dan Sosiologi'.</li><li>○ Bab 5 bertajuk 'Metafizik' membincangkan konsep metafizik dalam falsafah dan agama, serta aspek dalam teisme, monoteisme, politeisme, ateisme, dan agnotisisme.</li><li>○ Kajian mendapati bahawa majoriti pelajar yang mengambil kursus Falsafah dan Isu Semasa tidak pernah mengambil kursus berkaitan falsafah sebelum ini.</li><li>○ Sebanyak 52.1% pelajar berpendapat kursus ini agak mencabar.</li><li>○ Cadangan pelajar adalah untuk dilakukan permainan interaktif dalam kursus ini untuk meningkatkan kefahaman pelajar.</li><li>○ Permainan dalam penguasaan bahasa dilihat mampu memberi kesan positif kepada pelajar.</li><li>○ Pembentukan identiti yang kuat di kalangan pelajar adalah penting untuk memahami nilai-nilai kebangsaan dan memupuk semangat perpaduan di kalangan generasi muda Malaysia.</li><li>○ Program-program pemuda yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa memainkan peranan penting dalam meningkatkan kemahiran pelajar dan memupuk pemahaman di kalangan pelajar daripada latar belakang yang pelbagai.</li><li>○ Pelaksanaan PdP dalam talian bagi kursus FIS di Universiti Malaya dengan baik di pelbagai platform yang disediakan oleh universiti.</li><li>○ Pensyarah mengambil inisiatif menggunakan</li></ul>
Alias dan Mat (2022)	Tujuan kajian ini adalah untuk mengulas buku 'Pengantar Falsafah dan Isu Semasa: Rujukan Mahasiswa Universiti Awam dan Swasta' dengan meneliti kandungan setiap bab serta kepentingannya.	
Mohamad Akhir dan Ismail (2023)	Tujuan kajian ini adalah untuk meningkatkan penguasaan pelajar terhadap istilah-istilah dalam ilmu falsafah melalui projek Go FalQuizzi yang mengintegrasikan permainan jasmani dan teknologi.	
Othman et al. (2023)	Tujuan kajian ini adalah untuk menekankan pentingnya pembentukan identiti moral yang tinggi di kalangan pelajar universiti sebagai asas untuk kemajuan dan kegemilangan sivilisasi pada masa depan umat.	
Kassim et al. (2023a)	Tujuan kajian ini adalah untuk menjelaskan pelaksanaan PdP secara dalam talian serta mengenal pasti keberkesanan kursus FIS di	

	Universiti Malaya melalui kaedah PdP tersebut.	pelbagai aplikasi lain untuk menambahkan variasi aktiviti dalam PdP dan memudahkan interaksi atau komunikasi dengan pelajar.
Akhir et al. (2023)	Tujuan kajian ini adalah untuk menilai pengetahuan pelajar UiTM Kedah sebelum dan selepas mengambil mata pelajaran FIS.	<ul style="list-style-type: none"><li>○ Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelajar lebih menyukai PdP yang dilakukan secara bersemuka dan perlu disegerakan supaya keberkesanan PdP dapat ditingkatkan.</li><li>○ Kajian mendapati bahawa mata pelajaran FIS memberi impak positif terhadap pengetahuan pelajar UiTM Kedah.</li><li>○ Walaupun FIS dianggap sukar pada bab tertentu, keseluruhan pelajar bersetuju bahawa FIS memberi manfaat yang besar kepada mereka.</li><li>○ FIS membantu dalam meningkatkan keupayaan berfikir pelajar dan tahap kefahaman mereka berhubung falsafah juga meningkat selepas mengambil mata pelajaran FIS.</li></ul>
Ali et al. (2023)	Tujuan kajian ini adalah untuk mengembangkan laman web yang komprehensif bagi kursus CTU552 Falsafah dan Isu Semasa serta menganalisis maklum balas daripada pelajar tentang keberkesanan laman web tersebut.	<ul style="list-style-type: none"><li>○ Salah satu penemuan kajian adalah pembangunan laman web Easy Access Center CTU552 (EAC552), CTU Digital Flipbook, dan video panduan untuk menyediakan penilaian (tulisan dan persempahan) mengikut rubrik rasmi.</li><li>○ EAC552 adalah laman web yang dibangunkan oleh pensyarah di UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat untuk digunakan oleh pelajar mereka yang mendaftar dalam CTU552 Falsafah dan Isu Semasa.</li><li>○ Laman web ini didedikasikan untuk menyampaikan maklumat, pemindahan bahan dan pelajar terlibat secara interaktif dalam aktiviti.</li><li>○ Dengan laman web ini, pelajar mempunyai akses kepada semua bahan berkaitan dengan kursus.</li><li>○ EAC552 dianggap sebagai tapak pusat yang sistematik untuk dirujuk, khususnya kepada panduan yang betul mengenai penilaian yang diperlukan mereka.</li><li>○ Kajian mendapati bahawa kebanyakan responden bersetuju tentang kepentingan menyediakan diri sebelum kelas dan memiliki bahan-bahan terlebih dahulu.</li><li>○ Responden juga bersetuju bahawa laman web menyediakan mereka dengan maklumat tentang kursus secara terperinci, seperti rubrik dan skutan pelajaran terkini.</li><li>○ Kebanyakan responden juga percaya bahawa aktiviti yang disediakan di laman web membantu mereka memahami kursus, dan mereka bersetuju bahawa pengumpulan maklumat melalui platform adalah penting bagi mereka.</li><li>○ Lebih daripada 70 peratus pelajar mencapai tahap KKM4 seperti yang ditetapkan.</li><li>○ Atribut KKM3C juga telah dicapai dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa di Universiti Malaya.</li><li>○ Kajian ini mencadangkan kajian masa depan boleh meluaskan sampel kepada graduan yang telah memasuki pekerjaan untuk menilai semula.</li></ul>
Abd Rahim et al. (2023)	Tujuan kajian adalah untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap pembelajaran kursus Falsafah dan Isu Semasa setelah menggunakan laman web CTU552-EAC.	<ul style="list-style-type: none"><li>○ Kajian mendapati bahawa kebanyakan responden bersetuju tentang kepentingan menyediakan diri sebelum kelas dan memiliki bahan-bahan terlebih dahulu.</li><li>○ Responden juga bersetuju bahawa laman web menyediakan mereka dengan maklumat tentang kursus secara terperinci, seperti rubrik dan skutan pelajaran terkini.</li><li>○ Kebanyakan responden juga percaya bahawa aktiviti yang disediakan di laman web membantu mereka memahami kursus, dan mereka bersetuju bahawa pengumpulan maklumat melalui platform adalah penting bagi mereka.</li><li>○ Lebih daripada 70 peratus pelajar mencapai tahap KKM4 seperti yang ditetapkan.</li><li>○ Atribut KKM3C juga telah dicapai dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa di Universiti Malaya.</li><li>○ Kajian ini mencadangkan kajian masa depan boleh meluaskan sampel kepada graduan yang telah memasuki pekerjaan untuk menilai semula.</li></ul>
Kassim et al. (2023b)	Tujuan kajian ini adalah untuk melihat pelaksanaan dan pencapaian pelajar dalam atribut Minda Ingin Tahu (KKM4), Komunikasi Sosial dan Tanggungjawab Sosial (KKM3C) serta Pembelajaran Berautonomi (KKM4) yang diterapkan dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa di Universiti Malaya.	<ul style="list-style-type: none"><li>○ Ilmu logik yang diterapkan dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa berperanan penting dalam membentuk kemahiran berfikir mahasiswa serta meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dalam kehidupan mereka.</li><li>○ Penguasaan ilmu logik menjadi asas penting bagi mahasiswa dalam menguasai bidang penyelidikan dengan baik, tanpa mengira bidang</li></ul>
binti Ab Hamid et al. (2023)	Tujuan kajian ini adalah untuk menunjukkan kepentingan penerapan ilmu logik dalam kursus Falsafah dan Isu Semasa terhadap mahasiswa.	

- 
- pengajian.
  - Ilmu logik berperanan penting dalam mendisiplinkan pemikiran para pengguna media sosial dan membentuk sistem pemikiran yang tepat.
  - Kursus Falsafah dan Isu Semasa membantu melahirkan generasi yang seimbang dari sudut jasmani, emosi, rohani, dan intelektual.
  - Kursus ini memberi keistimewaan berdasarkan isi dan struktur kandungan yang bermanfaat dalam membentuk potensi diri mahasiswa secara menyeluruh.
- 

Dapatan lain yang penting ialah peranan kursus FIS dalam membentuk pemikiran kritis, identiti moral, dan pembangunan insan pelajar. Kajian oleh Marinsah et al. (2021) mendapati bahawa modul pengajian FIS di Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengandungi elemen kemahiran dan sub-kemahiran yang mampu menggalakkan pembentukan dan penerapan pemikiran kritis dalam kalangan pelajar. Ini selaras dengan hala tuju sistem pendidikan negara untuk melahirkan graduan yang mampu berfikir secara kritis dan kreatif. Kajian oleh Marinsah et al. (2021) pula meneliti konsep akhlak dan moral dalam Tamadun Islam dari perspektif Imam al-Ghazali dan mendapati bahawa psikologi dan sosiologi merupakan elemen penting dalam pembentukan akhlak dan moral dalam kursus FIS. Selain itu, kajian oleh Othman et al. (2023) menekankan kepentingan pembentukan identiti moral yang tinggi melalui kursus FIS sebagai asas untuk kemajuan dan kegemilangan masyarakat pada masa hadapan. Kajian oleh Ijon et al. (2022) pula melaporkan bahawa kursus FIS, sebagai sebahagian daripada kursus Mata Pelajaran Umum (MPU), berperanan dalam meningkatkan kualiti pembangunan insan pelajar secara holistik.

Dalam aspek kaedah pengajaran dan pembelajaran, kajian-kajian lepas menunjukkan keberkesanan penggunaan pendekatan interaktif, berasaskan teknologi, dan pemikiran kritis dalam meningkatkan pemahaman dan motivasi pelajar. Kajian oleh Mohamad Akhir dan Ismail (2023) mendapati bahawa penggunaan permainan jasmani dan teknologi melalui projek Go FalQuizzi telah membantu pelajar menguasai istilah-istilah falsafah dengan lebih berkesan. Kajian lain oleh Ali et al. (2023) pula melaporkan kejayaan pembangunan laman web EAC552 yang menyediakan pelbagai bahan pembelajaran interaktif untuk kursus FIS. Laman web ini dianggap sebagai platform yang sistematik dan memudahkan pelajar mengakses bahan berkaitan kursus. Kajian oleh Kassim et al. (2023a) mendapati bahawa lebih daripada 70% pelajar mencapai tahap kemahiran seperti yang ditetapkan dalam atribut Minda Ingin Tahu (KKM4), Komunikasi Sosial dan Tanggungjawab Sosial (KKM3C), serta Pembelajaran Berautonomi (KKM4) melalui kursus FIS. Selain itu, kajian oleh binti Ab Hamid (2023) dan Hamid et al. (2022) menekankan kepentingan penerapan ilmu logik dalam kursus FIS untuk membentuk kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah dalam kalangan pelajar. Kajian-kajian lain turut melaporkan keberkesanan penggunaan teknologi seperti e-pembelajaran (Ramlie et al., 2021), permainan interaktif (Abd Latif et al., 2022), dan kaedah pengajaran atas talian secara segerak (Kassim et al., 2023b; Yusoff et al., 2022) dalam meningkatkan penyertaan, pemahaman, dan hasil pembelajaran pelajar dalam kursus FIS. Secara keseluruhannya, dapatan-dapatan ini menunjukkan potensi besar kursus FIS dalam membentuk modal insan yang holistik dan seimbang, sekiranya dilaksanakan dengan pendekatan yang bersesuaian dan efektif.

## Kesimpulan

Kajian-kajian lepas berkaitan kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam pendidikan di Malaysia telah menghasilkan pelbagai dapatan yang signifikan. Antaranya ialah persepsi positif pelajar terhadap kursus ini, di mana pelajar menganggap kursus FIS dapat membantu mereka menjadi lebih rasional, kritis, dan mampu menyelesaikan masalah dengan lebih berkesan (Latiff et al., 2020a; Mokhtar et al., 2020). Selain itu, penerimaan pelajar terhadap kursus ini juga dilaporkan tinggi, dengan pelajar menyatakan bahawa kursus FIS meningkatkan kesedaran mereka tentang kepentingan membebaskan diri daripada ideologi Barat serta membuat mereka lebih peka terhadap isu semasa (Latiff et al., 2020b). Dapatan lain yang penting ialah peranan kursus FIS dalam membentuk pemikiran kritis, identiti moral, dan pembangunan insan pelajar (Othman et al., 2023; Marinsah et al., 2022; 2021; Ijon et al., 2021). Dari segi kaedah pengajaran dan pembelajaran pula, kajian-kajian lepas menunjukkan keberkesanan penggunaan pendekatan interaktif, berasaskan teknologi, dan pemikiran kritis dalam meningkatkan pemahaman dan motivasi pelajar (Ali et al., 2023; binti Ab Hamid, 2023; Mohamad Akhir dan Ismail, 2023; Kassim et al., 2023a; Hamid et al., 2022). Secara keseluruhannya, dapatan-dapatan ini menunjukkan potensi besar kursus FIS dalam membentuk modal insan yang holistik dan seimbang, sekiranya dilaksanakan dengan pendekatan yang bersesuaian dan efektif.

Dapatan kajian-kajian lepas berkaitan kursus FIS memberi implikasi penting terhadap praktis dan polisi pendidikan di Malaysia. Memandangkan persepsi dan penerimaan pelajar yang positif terhadap kursus ini, adalah penting bagi pihak yang bertanggungjawab untuk terus memperkasakan kursus FIS dan memastikan ia kekal relevan dengan keperluan semasa. Ini boleh dicapai melalui semakan kurikulum secara berkala, latihan berterusan untuk tenaga pengajar, dan penambahbaikan infrastruktur pembelajaran (Azhar, 2021; Latiff et al., 2020a). Dapatan berkaitan peranan kursus FIS dalam pembangunan pemikiran kritis dan identiti moral pelajar pula menyokong kepentingan mengekalkan kursus ini sebagai komponen wajib dalam pengajian tinggi (Marinsah et al., 2022; 2021). Polisi berkaitan kursus FIS perlu mengambil kira keperluan untuk menerapkan elemen-elemen ini secara efektif merentasi kurikulum. Selain itu, keberkesanan pendekatan pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi dan interaktif dalam kursus FIS (Ali et al., 2023; Mohamad Akhir dan Ismail, 2023) menunjukkan perlunya polisi yang menyokong pengintegrasian teknologi secara meluas dalam pendidikan. Ini termasuk peruntukan sumber yang mencukupi untuk pembangunan infrastruktur teknologi dan latihan tenaga pengajar.

Berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas, terdapat beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan untuk kajian masa depan berkaitan kursus FIS. Pertama, kajian lanjutan boleh dijalankan untuk menilai impak jangka panjang kursus FIS terhadap pelajar, terutamanya dalam aspek aplikasi kemahiran pemikiran kritis dan nilai-nilai moral dalam konteks pekerjaan dan kehidupan sebenar. Kedua, penyelidikan pada masa hadapan boleh mengkaji dengan lebih mendalam faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan kursus FIS, seperti kualiti tenaga pengajar, kesediaan pelajar, dan kesesuaian kaedah penilaian. Ini dapat membantu mengenal pasti strategi penambahbaikan yang lebih khusus. Ketiga, kajian perbandingan antara kursus FIS dengan kursus-kursus pembangunan insan yang lain boleh dijalankan untuk menilai kekuatan dan kelemahan setiap kursus, serta potensi untuk integrasi atau penyelarasaran kurikulum. Akhir sekali, kajian masa depan juga boleh meneroka aplikasi teknologi

baharu seperti pembelajaran mesin dan analitik pembelajaran dalam konteks kursus FIS, bagi meningkatkan lagi keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran.

## Penghargaan

Kajian ini ialah dibiayai oleh pengarang.

## Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tidak ada konflik kepentingan dengan mana-mana pihak yang terlibat dalam penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- [1] Abd Latif, S.F., Shafien, S., Nawi, N.S.M., Ramamurthy, L., Sood, S.M.M. (2022): Classtools: Fun Learning in Philosophy and Current Issues. – Dalam IUCEL2022 Proceedings: 664-668.
- [2] Abd Rahim, S., Ali, N.B., Aziz, S.N.A., Ismail, S., Yusof, M., Daud, N.M. (2023): Students' Perception Toward Learning Philosophy And Current Issues (CTU552) After Using Website CTU552-EAC. – Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies 31(2): 166-181.
- [3] Akhir, N.S.M., Ismail, S., Ismail, M.S.I., Aisyah, S., Yusof, M.A.S.A. and Yusof, A.S.M. (2023): Penerimaan mahasiswa terhadap mata pelajaran umum (MPU) kursus falsafah dan isu semasa di UiTM cawangan Kedah. – International Journal of Modern Education (IJMOE) 5(18): 137-147.
- [4] Ali, N.B., Abd Rahim, S., Aziz, S.N.A., Daud, N.M., Ismail, S., Yusof, M. (2023): Easy Access Center (EAC552) for Centralized Materials and Assessment's Guidelines for Course Philosophy and Current Issues. – APS Proceedings 7: 36-44.
- [5] Alias, J., Mat, N. (2022): Pengantar Falsafah dan Isu Semasa: Rujukan Mahasiswa Universiti Awam dan Swasta. – MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara 23: 31-36.
- [6] Azhar, M.H.M. (2021): Wacana Dekolonisasi Ilmu Dan Pembentukan Kearifan Tempatan Melalui Kursus Falsafah Dan Isu Semasa: Discourse on the Decolonization of Knowledge and the Formation of Local Wisdom through Philosophy Courses and Current Issues. – Online Journal of Research in Islamic Studies 8(1): 65-83.
- [7] binti Ab Hamid, N., binti Hashim, S. N. I., & binti Abd Wahab, N. A. (2023): Penerapan ilmu logik dalam kursus falsafah dan isu semasa: Kepentingannya terhadap mahasiswa. – Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED) 8(52): 93-103.
- [8] Hamid, N.A., Zabidi, M.M., Hashim, S.N.I., Wahab, N.A.A., Atan, M.A. (2022): Logical Knowledge in The Philosophy and Current Issues Course At Malaysian Tertiary Education Institutions: A Conceptual Paper. – International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences 12(11): 2036-2044.
- [9] Ijon, R., Abd Latif, S.F., Razak, A.A., Shaari, A.A.H. (2022): Pembangunan Insan dalam Mata Pelajaran Umum: Kajian Terhadap Pelajar Universiti Malaysia Kelantan. – Dalam e-Prosiding Seminar Mata Pelajaran Umum Peringkat Kebangsaan 2021 Siri 1 (SeMUKe-1), Universiti Malaysia Kelantan 48p.
- [10] Kassim, F., Ramli, M.R., Noor, N.A.M., Yong, I.S.C. and Azzis, M.S.A. (2023a): Peranan Kursus Falsafah dan Isu Semasa dalam "Menyempurnakan" Mahasiswa: Kajian di Universiti Malaya. – Asian People Journal 6(2): 35-46.

- [11] Kassim, F., Noor, N.A.M., Azzis, M.S.A., Ching, I.Y.S., Ramli, R., Hanafi, F. (2023b): Pelaksanaan dan Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa dalam Kalangan Pelajar di Universiti Malaya: Implementation and Effectiveness of Teaching and Learning Methods of Philosophy and Current Issues Courses among Students in Universiti Malaya. – Sains Insani 8(1): 15-24.
- [12] Latiff, L.A., Mokhtar, R.A.M., Mohad, A.H. (2020a): Analisis deskriptif persepsi pelajar terhadap pensyarah falsafah dan isu semasa (FIS). – Dalam E-Proceedings of the International Conference on Aqidah, Religions and Social Sciences (SIGMA10), Akidah and Religion Studies Programme, Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia 4p.
- [13] Latiff, L.A., Mokhtar, R.A.M., Mohad, A.H. (2020b): Penerimaan Pelajar Usim Terhadap Kursus Falsafah Dan Isu Semasa: Satu Analisis Deskriptif. – Dalam Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020) 12p.
- [14] Marinsah, S.A., Ramlie, M.N.H.H., Othman, I.W. (2022): Signifikan Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam Pembentukan Akhlak dan Moral di Universiti Malaysia Sabah. – International Journal of Education, Psychology and Counseling 7(45): 127-136.
- [15] Marinsah, S.A., Abang Muis, A.M.R., Esa, M.S., Othman, I.W., Ramlie, H., Mokhtar, S., Yusoff, M.S. (2021): Pengajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam Membentuk Pemikiran Kritis: Penelitian Terhadap Modul Kursus FIS di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah. – International Journal of Education, Psychology and Counseling 6(39): 137-149.
- [16] Mohamad Akhir, N.S., Ismail, S. (2023): Go FalQuizzi: permainan interaktif penggunaan terminologi. – Dalam E-Proceedings International Teaching Aid Competition 2023, Universiti Teknologi MARA 9p.
- [17] Mokhtar, R.A.M., Yacob, S.N.B.M., Tohar, S.N.A.M., Mohad, A.H. (2020): Persepsi Awal Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia Terhadap Kursus Falsafah dan Isu Semasa. – Dalam Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020, FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia 9p.
- [18] Othman, I.W., Karulus, Y., Talib, M.N.M., Mokhtar, S., Yusoff, M.S. and Kamal, H.I.M. (2023): Cultivating patriotism among university students: Facilitating the formation of the Malaysian family concept in a multiracial society. – International Journal of Modern Education (IJMOE) 5(19): 359-392.
- [19] Ramlie, H., Marinsah, S.A., Mokhtar, S., Esa, M.S., Shah, M.K.M., Nor, N.M.M., Kaspin, K.G. (2021): Penelitian Awal Aspek Kefahaman Mahasiswa Terhadap Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS): Tinjauan di Universiti Malaysia Sabah (UMS). – International Journal of Education, Psychology and Counselling 6(39): 150-165.
- [20] Razak, A.A., Bakar, S.A., Yusuff, N.A., Nawi, N.H.M., Daud, B.C. (2022): Nilai toleransi dalam Mata Pelajaran Umum Menurut Perspektif Pelajar. – Borneo International Journal 5(1): 1-7.
- [21] Webster, J., Watson, R.T. (2002): Analyzing the past to prepare for the future: Writing a literature review. – MIS Quarterly 10p.
- [22] Yusoff, A.N.M., Kanan, P., Ketamadunan, J.P.K.D., Razak, M.D.R.R.A., Magiman, M.D.M.M. (2022): Teknik Kuliah Maya: Pendekatan 'Synchronous dan Pengalaman Kursus Falsafah dan Isu Semasa, UPM, Selangor. – Dalam e-Prosiding PASAK7 2022: Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 (PASAK 7 2022), Universiti Putra Malaysia 14p.